

Samoa seperti neraka dunia

APIA, Samoa – Pasukan penyelamat tiba kelmarin di beberapa kawasan perkampungan kepulauan Samoa di Pasifik bagi memberi bantuan kecemasan selepas angka kematian meningkat kepada 150 orang akibat tsunami yang berlaku ekoran gempa bumi kuat pada Selasa lalu.

Mangsa-mangsa yang terselamat menyatakan mereka ternampak sejumlah mayat diangkut menggunakan lori di Samoa tetapi angka korban dijangka terus meningkat.

“Samoa bukan syurga peranginan lagi, ia seperti neraka dunia,” kata seorang mangsa yang terselamat di Apia, Samoa yang berjiran dengan Pulau Samoa milik Amerika Syarikat (AS).

Gempa bumi kuat yang berukuran 8.3 pada skala Richter berlaku pada Selasa lalu di Samoa menyebabkan tercetusnya tsunami yang melanda pulau-pulau di Lautan Pasifik.

Tsunami itu melanda Pulau Samoa milik AS dan Kepulauan Samoa yang merdeka.

Perdana Menteri Samoa, Tuilaepa Sailele berkata, dia melihat kemusnahan besar di Pulau Upolu ketika



GAMBAR menunjukkan tsunami melanda sebuah kawasan di Pulau Samoa.

melakukan tinjauan dari udara.

“Di beberapa buah kampung, tidak ada sebuah rumah pun, semuanya musnah dalam tempoh 10 minit akibat tsunami yang kuat,” katanya.

Sementara itu, sekumpulan penduduk yang berada di Pago Pago,

Pulau Samoa milik AS memasuki kedai yang ditinggalkan bagi mencari makanan dan lain-lain barang.

Mereka mencari arak dan rokok atau barang-barang yang boleh dijual semula tetapi kebanyakan mereka mengambil makanan, ayam beku atau makanan segera, kata se-



BEBERAPA penduduk berjalan melintasi sebuah kampung yang musnah dekat Apia, Pulau Samoa semalam.

orang wartawan tempatan, Aufage Fausia.

Presiden AS, Barack Obama telah mengisytiharkan Pulau Samoa yang menjadi milik AS sebagai kawasan bencana.

Di Tonga, jurucakap kerajaan Lotepeti Senituli berkata, sebahagian

besar kawasan di sebuah pulau di kepulauan itu hilang manakala dua daripada tiga kampung di pulau tersebut musnah.

Bantuan kini tiba dari Australia dan New Zealand membawa bekal makanan, pakaian, ubat-ubatan dan air bersih. – Agensi